



LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA  
WISMA LKIM JALAN DESARIA  
PULAU MERANTI PUCHONG  
SELANGOR

  
**ZAINUDDIN BIN MOHAMAD**  
Pengarah  
Bahagian Kejuruteraan  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

### KENYATAAN SEBUTHARGA

(TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR YANG BERDAFTAR DENGAN CIDB DALAM DAERAH  
SEPANG SAHAJA)

**NO. SEBUTHARGA : LKIM: S18/2024**

**PROJEK : CADANGAN KERJA MENAIKTARAF AUDITORIUM SERTA KERJA-  
KERJA BERKAITAN DI IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN IKAN  
MALAYSIA.**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam **Gred G1 Kategori B Pengkhususan B07 (Hiasan Dalaman)** sahaja serta pendaftarannya yang masih lagi sah. **Kebenaran Khas adalah Tidak Dibenarkan.**
2. Tuan/puan dinasihatkan untuk memastikan tarikh **SAH LESEN** sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup Sebut Harga. **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki pihak tuan/puan.
3. Sebut harga ini adalah dibuka melalui Sistem Tenderwizard LKIM secara atas talian. Semua kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini perlu menggunakan Sistem Tenderwizard LKIM ini yang boleh dilayari dilaman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>**. Urusan pertanyaan berkaitan Sistem Tenderwizard LKIM hanya melalui talian **03-80649542 (Puan Noor Hafiezal Binti Awang)** Unit Perolehan LKIM dan waktu urusan Isnin – Jumaat pada jam 9:00 Pagi – 4.00 Petang.
4. Oleh itu, semua kontraktor **DIKEHENDAKI** mendaftar terlebih dahulu secara atas talian bagi mendapatkan id pengguna dan juga kata laluan melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>**.
5. Semua pembekal/kontraktor akan dikenakan **Yuran Pendaftaran** sebanyak **RM180.00** yang perlu dibayar kepada pembekal sistem. Akses ini hanya akan diaktifkan selepas pembekal/kontraktor melengkapkan permohonan secara atas talian dan menjelaskan yuran pendaftaran. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau

FPX secara atas talian. Yuran pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun-tahun berikutnya.

6. Taklimat dan Lawatan tapak akan di adakan pada masa, tarikh dan tempat seperti berikut dan kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**. Kontraktor yang gagal berbuat demikian tidak dibenarkan menyertai tawaran sebut harga ini.

Tarikh : 22 JULAI 2024 (ISININ)  
Masa : 11.00 Pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat Kerapu  
Aras 3, Wisma LKIM  
47120 Puchong, Selangor

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, **hanya penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri sesi taklimat/lawatan tapak dan **tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan di dalam sijil tersebut**. Sehubungan dengan itu, Pihak Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir sendiri dengan membawa Kad Pengenalan (penama di dalam sijil PPK/SPKK sahaja), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB di dalam Gred G1 Kategori B, Pengkhususan B07 SAHAJA serta satu (1) salinan untuk simpanan LKIM.
8. Urusan pertanyaan mengenai lawatan tapak hanya melalui talian **03-80649133 (En. Mohd Azwan Bin Hamzah) E-mail : mohdazwanhamzah36@gmail.com** dan waktu urusan Isnin – Jumaat pada jam 9:00 Pagi – 4.00 Petang.
9. Sebut harga ini akan dijual mulai **22 JULAI 2024 sehingga 29 JULAI 2024 jam 11.00 pagi** secara “online” melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>** dengan kadar bayaran **RM10.00**.
10. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan **WAJIB** di isi (Key in) dalam Sistem Tenderwizard LKIM secara “Online” melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>** pada atau sebelum **29 JULAI 2024 jam 12.00 tengahari**.
11. **Fi Perkhidmatan sebanyak 0.864% bagi setiap transaksi yang dijana melalui Sistem Tenderwizard LKIM akan dikenakan kepada kontraktor yang dilantik** kepada had maksimum RM 10,368.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM 1.2 Juta. Oleh itu **syarikat dikehendaki mengambilkira Fi Perkhidmatan ini dalam tawaran Sebut Harga yang dikemukakan.**



**ZAINUDDIN BIN MOHAMAD**  
Pengarah  
Bahagian Kejuruteraan  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia